

# KERTAS KONSEP PELAKSANAAN 'JOM BERCHENTA'

---

---

## 1. TUJUAN

Tujuan kertas ini adalah untuk membentangkan cadangan pelaksanaan Program Klinik Kaunseling Dan Bimbingan Belia (KKBB) bersempena Hari Belia Negara (HBN) 2012 untuk perbincangan Jawatankuasa Induk KKBB. Program KKBB ini akan dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan kerjasama Agensi-agensi Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan (NGO) dan pihak swasta. Klinik ini akan bertemakan '**JOM BERCHENTA**' bagi menarik perhatian semua golongan belia yang bermaksud *Cara Hadapi Emosi Naluri & Tingkahlaku Anda*.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Perkhidmatan kaunseling merupakan suatu bidang profesional yang semakin berkembang dalam pelbagai sektor di negara ini. Masyarakat kini semakin sedar akan kepentingan perkhidmatan ini dalam kehidupan seharian. Di mana, penekanan terhadap pembangunan dan pengukuhan individu melalui sokongan psikologi memberi impak yang tinggi sehingga seseorang individu itu dapat berfungsi dan memenuhi tugas masing-masing dengan sempurna.
- 2.2 Keperluan psikologi merupakan elemen penting dalam pembentukan sahsiah dan jatidiri seseorang individu. Psikologi yang sihat akan menghasilkan emosi dan pemikiran yang rasional, seterusnya mencerminkan tingkahlaku yang positif.
- 2.3 Sehubungan itu, pelaksanaan Program KKBB ini akan dijadikan sebagai platform kepada para belia untuk mendapatkan khidmat nasihat mengenai

perkara-perkara yang melingkari kehidupan belia daripada kumpulan pakar secara *one stop center*. Selaras dengan keperluan psikologi terhadap perkembangan keseluruhan seseorang individu, maka program ini akan dilaksanakan untuk memberi peluang kepada golongan belia mendapatkan perkhidmatan psikologi secara terbuka.

2.4 Di samping itu, KBS menerusi Pelan Operasi Latihan 2012 memberi penekanan besar kepada tiga elemen utama dalam usaha membangunkan keupayaan warga Kementerian. Tiga elemen tersebut adalah pengukuhan sahsiah, pengurusan psikologi dan pembangunan kerjaya. Penekanan kepada ketiga-tiga elemen ini adalah bagi memastikan pembangunan warga Kementerian adalah seimbang dalam semua aspek kehidupan dan kerjaya.

2.5 Oleh demikian, Program KKBB ini dirancang bagi memenuhi objektif seperti berikut:

- i. memperkenalkan dan mendedahkan perkhidmatan kaunseling dan bimbingan untuk memajukan pembangunan belia negara;
- ii. memberi kesedaran kepada penjawat awam untuk mendapatkan perkhidmatan psikologi dan kaunseling bagi meningkatkan kualiti kerjaya masing-masing. (Penglibatan ini juga akan dikira sebagai salah satu aktiviti latihan di bawah Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam); dan
- iii. menyediakan platform kepada Agensi Kerajaan dan NGO yang memberikan perkhidmatan kaunseling dan bimbingan mendekati golongan belia.

- 2.6 Golongan sasaran KKBB adalah golongan belia termasuk penjawat awam muda, pekerja sektor swasta, ibu bapa muda, mahasiswa dan para pelajar sekolah.

### **3. KONSEP PROGRAM**

- 3.1 Pelaksanaan KKBB ini adalah secara berpakej yang meliputi elemen-elemen berikut :

- i. Bimbingan dan Kaunseling;
- ii. Ujian Psikologi;
- iii. Teknik Terapi; dan
- iv. Pemantauan dan Khidmat Nasihat.

- 3.2 Pelaksanaan secara berpakej ini akan memberikan peluang untuk membimbing para belia secara bersemuka berkenaan isu-isu yang dihadapi dan keperluan mereka. Seterusnya, menyediakan ruang kepada agensi-agensi terlibat untuk

- i. mengkaji isu-isu yang dihadapi oleh belia dalam proses perancangan dan membuat keputusan;
- ii. mencari dan menilai alternatif bagi menangani masalah yang dihadapi; dan
- iii. membentuk keperibadian dan meningkatkan motivasi ke aras pembentukan sifat individu yang lebih berfikiran rasional dan berpotensi tinggi.

### ***Elemen Bimbingan dan Kaunseling***

3.3 Elemen bimbingan dan kaunseling ini akan menyentuh keperluan utama dan isu-isu yang melingkari kehidupan belia. Di mana, pada tahun ini KKBB ini menekankan kepada tujuh segmen utama iaitu:

- i. Kerjaya;
- ii. Keusahawanan;
- iii. Kekeluargaan;
- iv. Pendidikan;
- v. Kesihatan;
- vi. Kewangan Peribadi;
- vii. Rujukan Agama; dan
- viii. Wanita.

3.4 Sesi bimbingan dan kaunseling ini merupakan sebahagian daripada proses menolong yang sistematik berasaskan prinsip psikologi akan dijalankan oleh kaunselor berkelayakan dan individu-individu yang mempunyai kemahiran dalam sesuatu bidang seperti di para 3.3. Sesi tersebut akan membantu perkembangan dan penyesuaian peribadi klien yang baik dan menyeluruh. Ia melibatkan usaha memberi arahan secara teratur serta mengandungi maklumat sesuai bagi menentukan agar sesuatu matlamat tercapai oleh individu yang menerimanya. Lazimnya bagi penentuan untuk membuat keputusan dan perkembangan dirinya.

3.5 Segmen-segmen ini akan memberi fokus kepada perkara-perkara yang berkaitan keperluan golongan belia antara lainnya seperti berikut :

Segmen	Fokus
i. Kerjaya	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kepimpinan, Mengurus Kerja, Mengurus Stress, Aspek Mengenal Diri, Memahami Ketua</li> </ul>
ii. Keusahawanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembudayaan, Bimbingan/Khidmat Nasihat, Pemilihan Produk Perniagaan, Lokasi, Kewangan, Pemasaran, Pembangunan Produk, Francais,</li> </ul>
iii. Kekeluargaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keluarga, Perkahwinan, Perancangan Kekeluargaan, Kesihatan Reproduktif</li> </ul>
iv. Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendidikan Awal Kanak-kanak, Pendidikan Rendah/Menengah, Pendidikan Tinggi, Kemahiran, Pendidikan Khas, Pemilihan Kerjaya</li> </ul>
v. Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mental, Penyakit-penyakit Kronik, Kecergasan</li> </ul>
vi. Kewangan Peribadi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peribadi, Keluarga, Perniagaan, Pelaburan, Liabiliti.</li> </ul>
vii. Rujukan Agama	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibadah, Mengaji Al-quran, Kerjaya, Pendidikan, Kesihatan, Kekeluargaan, Hukum Hakam Agama, Mualaf</li> </ul>
viii. Wanita	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerjaya, Pendidikan, Kekeluargaan</li> </ul>

3.6 Pada masa ini, agensi-agensi yang dicadangkan untuk terlibat berdasarkan segmen seperti di para 3.3 adalah seperti berikut :

Segmen	Agensi Terlibat
i. Kerjaya	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)</li> <li>Gabungan Wawasan Generasi FELDA (GWGF)</li> </ul>
ii. Keusahawanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi &amp; Kepenggunaan (KPDNKK)</li> <li>Perbadanan Nasional Berhad (PNS)</li> <li>Persatuan Francais Malaysia (MFA)</li> </ul>
iii. Kekeluargaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)</li> <li>Susuibu.com</li> </ul>
iv. Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)</li> </ul>
v. Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)</li> </ul>
vi. Kewangan Peribadi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)</li> </ul>
vii. Rujukan Agama	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)</li> </ul>
viii. Wanita	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)</li> </ul>

### ***Elemen Ujian Psikologi***

3.7 Penggunaan ujian psikologi akan memudahkan individu untuk mengetahui pengskoran dan keputusan penganalisaan dengan menggunakan aplikasi *online*. Ujian atau inventori yang disediakan akan membantu dan menjelaskan sesuatu perwatakan, bentuk komunikasi, tahap kemarahan dan juga tahap tekanan dalam kehidupan. Elemen Ujian Psikologi ini akan memberikan peluang kepada para belia mengenai personaliti diri, kecenderungan memilih bidang yang bersesuaian dalam kerjaya dan pendidikan termasuk kekuatan dan kelemahan masing-masing.

3.8 Ujian Psikologi yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut :

- i. Ujian Personaliti (Personaliti Unggul, Gaya Bercinta, Warna & Diri);
- ii. Ujian Tahap Kesihatan Mental;
- iii. Teknik Terapi (Terapi Minda, Tingkahlaku);
- iv. Ujian Minat Kerjaya (*Tennessee Self Concept*);
- v. Ujian Stress (*Bio Stress*); dan
- vi. Ujian Kesesuaian Keusahawanan.

### ***Elemen Teknik Terapi***

3.9 Elemen Teknik Terapi adalah kemahiran yang digunakan untuk memahami keperluan emosi dan pemikiran dalam kehidupan. Ia juga berkait dengan bagaimana perhubungan seseorang individu dengan minda di bawah separuh sedarnya.

3.10 Teknik Terapi yang akan dilaksanakan oleh JPA adalah seperti berikut :

- i. SEFT (*Self Spiritual Emotional Freedom Technique*):  
Teknik pengembangan menggabungkan 14 teknik terapi bagi mengatasi masalah fizikal, emosi fikiran, sikap dan tingkahlaku.
- ii. NLP (*Neuro Linguistik Program*):  
Sikap dan kaedah yang merangkumi teknik tersendiri untuk menjana kecemerlangan dalam kerja harian yang dilakukan
- iii. Tawa dan Tari  
Teknik merangsang emosi dan pemikiran ke arah situasi yang tenang, relaks dan santai

### ***Elemen Pemantauan dan Khidmat Nasihat***

- 3.11 Elemen Pemantauan dan Khidmat Nasihat ini merupakan satu kaedah susulan kepada para belia yang memerlukan bimbingan dan kaunseling di peringkat seterusnya. Kaedah ini merupakan sesi temujanji yang dilakukan untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling dan bimbingan bersama kaunselor dan juru runding yang dikehendaki. Ia merupakan proses berterusan bergantung kepada kehendak dan keperluan individu terbabit bagi memenuhi sokongan psikologi walaupun setelah KKBB bagi tahun 2012 telah tamat.
- 3.12 Di mana, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh agensi pelaksana antara lainnya adalah Kembara Kaunseling dan pendaftaran untuk Kelab Youth Orbit yang dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita.

## **4. PELAKSANAAN PROGRAM**

- 4.1 KKBB akan dilaksanakan menerusi tahap di bawah :
- i. Promosi KKBB;
  - ii. Pendaftaran bakal peserta;
  - iii. KKBB bermula; dan
  - iv. KKBB berakhir.

### ***Promosi KKBB***

- 4.2 KBS akan mengadakan promosi menyeluruh KKBB berdasarkan pelan promosi HBN 2012 yang dilaksanakan oleh Sekretariat HBN 2012.

- 4.3 Pada tahun ini, HBN akan diserikan dengan Himpunan Jutaan Belia yang akan dilaksanakan dari 23 hingga 27 Mei 2012. Himpunan ini akan mensasarkan sebanyak 500 aktiviti dilaksanakan pada lima hari tersebut dengan kehadiran seramai jutaan belia.
- 4.4 Promosi menyeluruh ini akan melibatkan media-media seperti laman web KBS dan HBN, media cetak dan media elektronik. Di samping itu, agensi-agensi Kerajaan, NGO dan swasta terlibat diseru untuk mempromosikan KKBB ini kepada golongan sasaran masing-masing di media-media seperti laman web. Selain itu, KBS juga akan mewujudkan laman sosial *facebook* KKBB agar program ini dapat dipromosi sepenuhnya kepada golongan belia.
- 4.5 KBS juga akan mendapatkan kerjasama daripada semua pegawai psikologi di Kementerian-kementerian untuk menggunakan KKBB sebagai aktiviti latihan dalam bidang pengurusan psikologi dan mengatur kehadiran penjawat awam yang telah dikenalpasti memerlukan perkhidmatan kaunseling dan bimbingan.

#### ***Pendaftaran Bakal Peserta***

- 4.6 Semua bakal peserta diperlukan untuk mendaftar bagi membolehkan KBS memperolehi statistik penyertaan, isu dan perkhidmatan yang diperlukan sepanjang KKBB ini diadakan. Statistik ini juga akan membolehkan pelaksanaan KKBB pada siri berikutnya dibuat penambahbaikan agar dapat memenuhi keperluan pembangunan belia negara.
- 4.7 Pendaftaran bakal peserta akan melibatkan dua kaedah iaitu pendaftaran secara *on-line* dan *walk-in*. Pendaftaran secara *on-line* ini adalah bersifat terbuka pada bila-bila masa menerusi laman web KBS dan laman sosial *facebook* KKBB. Di mana, pendaftaran ini memerlukan bakal peserta

untuk mengisi maklumat ringkas peribadi peserta dan perkhidmatan kaunseling dan bimbingan yang diperlukan di KKBB. Para peserta juga boleh membuat semakan status pendaftaran menerusi laman web KBS.

- 4.8 Manakala, pendaftaran secara *walk-in* pula adalah di kaunter khas yang akan disediakan sebelum mendapatkan perkhidmatan kaunseling dan bimbingan yang disediakan. Kaunter khas ini akan dilengkapi dengan kemudahan ICT yang bersesuaian termasuk talian internet. Selain itu, kaunter ini juga akan turut ditempatkan pegawai khidmat pelanggan yang terdiri daripada ahli-ahli AKRAB KBS.

### ***KKBB bermula***

- 4.9 KKBB akan dilaksanakan dari 23 hingga 27 Mei 2012 bertempat di Presint 3, Putrajaya. Tempoh perkhidmatan KKBB akan bermula pada jam 10 pagi dan berakhir pada jam 6 petang.
- 4.10 Selepas pendaftaran, para peserta KKBB akan mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan. Di mana, perkhidmatan ini akan diadakan dalam bentuk sesi kaunseling, bimbingan, perbincangan, runding cara dan khidmat nasihat secara individu dan berkelompok. Sesi ini akan disokong dengan pelaksanaan ujian psikologi dan teknik terapi.
- 4.11 Bilik-bilik khas disediakan sekiranya para peserta memerlukan sesi kaunseling dan bimbingan yang bersifat personal. Di samping itu, ruang untuk sesi secara berkelompok juga akan diperlukan. Bagi sesi susulan, para peserta akan menghubungi kaunselor berkenaan untuk proses selanjutnya (temujanji susulan).
- 4.12 *Lesson Talk* turut disediakan kepada para pengunjung. Di mana, aktiviti ini dijalankan secara berjadual mengikut kesesuaian tajuk dan waktu yang

akan ditetapkan kelak. Setiap agensi akan terlibat untuk *lesson talk* tersebut.

- 4.13 Penyebaran pelbagai maklumat yang berguna kepada pembangunan belia turut disediakan menerusi ruangan khas di setiap segmen bagi memastikan maklumat disebar luas sepanjang KKBB ini diadakan.
- 4.14 Ruangan khas kepada para penaja turut disediakan bagi memberikan ruang kepada mereka untuk mempromosikan produk.
- 4.15 Ahli-ahli AKRAB KBS akan dilibatkan bagi membantu pihak urusetia menyelaraskan pelaksanaan KKBB. Ahli-ahli AKRAB di Kementerian-kementerian lain turut digalakkan untuk terlibat dalam KKBB ini yang boleh dijadikan sebagai tempat latihan bagi mengembangkan kemahiran dan praktikal ilmu psikologi dan kaunseling.

#### ***KKBB Berakhir***

- 4.16 Satu senarai semak (*questionnaire*) akan disediakan bagi membantu peserta memberi maklum balas daripada setiap perkhidmatan psikologi yang telah diberikan. Maklumbalas ini penting untuk tujuan penambahbaikan pada masa depan.
- 4.17 Sesi kaunseling dan bimbingan berakhir setelah para peserta mendapatkan perkhidmatan tersebut dan membuat temujanji susulan bersama para kaunselor. Manakala aspek pemantauan pula akan disediakan oleh agensi-agensinya berkaitan.

## **5. MEKANISME PELAKSANAAN**

- 5.1 Pelaksanaan Program Klinik Kaunseling Dan Bimbingan Belia ini akan melibatkan cadangan untuk pewujudan dua jawatankuasa iaitu

- i. Jawatankuasa Induk Program yang dipengerusikan oleh TKSU (P) / SUB (SM) KBS; dan
- ii. Jawatankuasa Kecil Segmen yang dipengerusikan oleh Agensi-agensi berkaitan.

***Jawatankuasa Induk Program KKBB***

5.2 Jawatankuasa Induk Program KKBB berperanan utama dalam membuat keputusan dasar pelaksanaan dan penyelarasan program.

5.3 Jawatankuasa Induk Program KKBB terdiri daripada ahli-ahli berikut:

Pengerusi	:	SUB (SM)
Ahli	:	JPA KPDNKK,PNS,MFA LPPKN KKM KPM AKPK JAKIM JPW
Urusetia	:	BPSM, KBS

***Jawatankuasa Kecil Segmen***

5.4 Jawatankuasa Kecil Segmen pula akan memperincikan pelaksanaan setiap segmen dan penyelarasan di antara agensi-agensi yang terlibat dalam segmen-segmen berkaitan. Di mana, Pengerusi kepada Jawatankuasa Kecil Segmen adalah sebagaimana berikut :

<b>Segmen</b>	<b>Pengerusi Jawatankuasa Kecil Segmen</b>
i. Psikologi	JPA
ii. Keusahawanan	KPDNKK
iii. Kekeluargaan	LPPKN
iv. Pendidikan/Kerjaya	KPM
v. Kesihatan	KKM
vi. Kewangan Peribadi	AKPK
vii. Rujukan Agama	JAKIM
viii. Wanita	JPW

**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**  
**Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia**  
**19 Disember 2011**